

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DALAM ISTIADAT MENGADAP PADA 1HB JUN, 1960

Mengadap ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka **Baginda** Sultan Hisamuddin Alam Shah **Ibni** Almarhum Sultan Alaiddin Sulaiman Shah, Yang Di **Pertuan** Agung **Persekutuan** Tanah **Melayu**.¹

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,

Pada hari dan saat yang **bertuah lagi** berbahagia ini patek bagi pihak yang Teramat Mulia Tengku Perdana Menteri dan diri patek sendiri, bagi pihak Kerajaan **serta** rakyat jelata Persekutuan Tanah Melayu dengan beberapa **hormat takzim** dan dengan perasaan yang penuh taat setia menyembahkan ucapan **setinggi** tinggi tahniah kepada ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan Seri Paduka Adinda Raja Permaisuri Agung. Patek sekalian berdoa ke hadrat Allah **Subhanahu** Wataala mudah-mudahan dilanjutkan usia zaman ke bawah Duli Tuanku serta Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Adinda Raja Permaisuri Agung **dalam** sihat **walafiat kekal** memerintah di atas Singgahsana takhta kerajaan dengan bertambah-tambah daulat dan kemuliaan.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,

Sesungguhnya patek **pacal-pacal** sangatlah sukacita atas lantikan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sebagai Yang Di **Pertuan** Agung kerana patek sedia **maklum** yang ke bawah Duli Tuanku **ialah** seorang Raja yang mempunyai sifat **tulus** ikhlas serta sangat mengambil berat di atas kebajikan dan kemajuan penduduk-penduduk Negara ini terutama sekali dalam perusahan di kampung-kampung.

Patek serta semua Menteri-menteri Kerajaan berasa sangat sukacita **oleh** kerana pada tahun yang **pertama** ke bawah Duli Tuanku bersemayam di atas takhta Kerajaan **telah berlaku** suatu peristiwa yang bersejarah di Negara ini iaitu Kerajaan telah **berjaya menewaskan** pengganas-pengganas kominis² yang telah

1 D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung yang ke 2

2 Tamat **darurat** 1960

merosakkan keamanan Negara ini selama dua belas tahun. Dalam masa yang panjang itu hamba rakyat Tuanku telah menanggung beberapa azab dan sengsara dan kemenangan ini akan memberi harapan dan semangat yang baharu kepada rakyat bagi mempertahankan Negara ini supaya keadaan-keadaan yang seperti itu tiada akan berlaku lagi. Maka tercapainya kemenangan ini ialah kerana Duli Yang Maha Mulia Tuanku sendiri telah bersama-sama berazam dan menghadapi segala kesusahan-kesusahan yang telah ditempo oleh hamba-hamba rakyat Tuanku itu.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,

Tambahan pula patek pacal-pacal amatlah sukacita oleh kerana ke bawah Duli Tuanku bersemayam di atas Takhta Kerajaan pada ketika Kerajaan Persekutuan sedang menjalankan rancangan-rancangan kemajuan Negara terutama sekali kemajuan-kemajuan di luar bandar dengan menumpukan sepenuh-sepenuh tenaga dan Kerajaan bercadang hendak mengistiharkan rancangan kemajuan lima tahun yang kedua tiada berapa lama lagi. Patek dan pacal-pacal sekalian yakin dan percaya bahawa dengan adanya rancangan-rancangan ini dapatlah Persekutuan Tanah Melayu dan rakyatnya sekalian memperolehi kemajuan, keamanan dan kemakmoran yang tiada tolok bandingnya dalam sejarah Negara ini. Dan lagi dengan sifat ke bawah Duli Tuanku yang sangat mengambil berat atas hal-hal kemajuan Negeri dan dengan berkat daulat Tuanku serta naongan dan anjuran Tuanku patek pacal-pacal percaya rancangan-rancangan yang tersebut itu dapat dilaksanakan dengan sepenuh-sepenuh kejayaan.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,

Demikianlah patek sembahkan dan sekali lagi patek bagi pihak Kerajaan dan rakyat jelata Persekutuan Tanah Melayu berdoa ke hadirat Tuhan Rabbul'alamin mudah-mudahan dilanjutkan usia zaman ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Adinda Raja Permaisuri Agung dan dianugerahinya selamat sejahtera dan aman sentosa selamlamanya.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patek harap diampun.